

SOALAN NO: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dalam tempoh tiga tahun yang lalu berapa pekerja asing yang telah mati atau cedera akibat kecuaiian dan penganiayaan majikan mereka. Apakah langkah dan aliran proses keselamatan yang diambil oleh Kementerian untuk melindungi kebajikan pekerja asing di Malaysia.

PR-1361-T02244

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sentiasa komited dan berusaha untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja tanpa mengira warganegara di mana Jabatan akan memastikan tempat kerja sentiasa berada dalam keadaan selamat dan sihat. JKKP juga telah menggandakan usaha dengan merancang dan melaksanakan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 (OSHMP 2020) bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

2. Berdasarkan rekod kemalangan yang dilaporkan pada tahun 2015, JKKP telah menerima sebanyak 1,133 kes kemalangan warga asing iaitu 1,004 adalah kes bukan maut dan 129 adalah kes maut. Manakala pada tahun 2016, JKKP telah menerima sebanyak 1,084 kes kemalangan warga asing di mana 963 adalah kes bukan maut dan 121 adalah kes maut. Bagi tahun 2017 pula JKKP telah menerima sebanyak 1,376 kes kemalangan warga asing di mana 1,224 adalah kes bukan maut dan 152 adalah kes maut. Daripada siasatan yang dibuat, 70% daripada kes-kes ini adalah atas sebab kecuaiian pekerja itu sendiri. Bagi kes-kes yang ada unsur kecuaiian majikan, tindakan punitif telah diambil termasuk melalui hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh mahkamah.

3. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk melindungi keselamatan dan kebajikan pekerja termasuklah pekerja asing di Malaysia bagi mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat adalah seperti berikut:

(i) Penetapan Perundangan dan Garis Panduan

Penetapan perundangan dan garis panduan yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaan dikaji, digubal, disediakan dan dinaik taraf dari semasa ke semasa. Ini bertujuan untuk memastikan perundangan dan garis panduan yang digubal adalah relevan dengan mengambil kira isu-isu terkini serta risiko keselamatan dan kesihatan semasa berada di tempat kerja.

Perundangan dan garis panduan yang telah disediakan oleh JKKP adalah seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994), Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ 1967) dan Garis Panduan Bagi Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko, Kawalan Risiko (HIRARC) dan lain-lain lagi yang boleh diperolehi di laman web JKKP (www.dosh.gov.my).

(ii) Penguatkuasaan Berterusan

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menjalankan penguatkuasaan ke atas tempat kerja. Semasa

menjalankan penguatkuasaan, Jabatan juga memastikan majikan menjaga kebajikan pekerja-pekerjanya dengan mengadakan beberapa perkara diantaranya mengadakan peti pertolongan cemas, air minuman yang bersih, tandas yang mencukupi serta menjaga kebersihan dan kekemasan di tempat kerja.

4. Di antara penguatkuasaan yang dijalankan adalah:

- (i) **Audit Pematuhan**
Audit pematuhan terhadap perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke atas semua sektor pekerjaan.

- (ii) **Pemeriksaan Berkanun**
Pemeriksaan berkanun terhadap jentera berperakuan kelayakan. Jentera akan diperiksa setiap 15 bulan sekali.

- (iii) **Menjalankan Siasatan**
Setiap kemalangan yang menyebabkan kecederaan yang serius dan maut kepada pekerja akan diambil tindakan dengan menjalankan siasatan yang terperinci.

Daripada siasatan kemalangan yang dijalankan oleh JKPP, lebih kurang 30% daripada siasatan tersebut terdapat unsur-unsur kecuaiian yang

dilakukan oleh majikan seperti tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan, tiada penyeliaan terhadap pekerja (*supervision*) dan tiada penyenggaraan jentera dengan baik.

(iv) Tindakan Punitif

Hasil daripada siasatan di atas, tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan adalah secara berperingkat. Jika kesalahan pertama dan tidak serius, notis akan dikeluarkan untuk penambahbaikan dan langkah ini akan mendidik majikan supaya mematuhi undang-undang yang berkenaan.

Majikan hendaklah memperbaiki kelemahan yang ada supaya kemalangan tidak berulang. Jika tiada penambahbaikan dibuat dalam masa yang ditetapkan, kompaun akan dikeluarkan dan tindakan mahkamah juga boleh diambil sekiranya majikan gagal membayar kompaun yang dikenakan.

Kemalangan yang melibatkan maut dan kecederaan serius, tindakan mahkamah diambil tanpa melalui proses pengeluaran notis dan kompaun. Sebagai contoh pada tahun 2017, sebanyak 23,006 notis dan 795 kompaun telah dikeluarkan manakala 285 kes tindakan mahkamah telah dijalankan.

(iii) Promosi

JKKP aktif menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan galakan secara berterusan di tempat kerja bagi memastikan keselamatan dan kesihatan serta kebajikan pekerja pada tahap yang baik melalui program-program seperti mengadakan seminar, dialog, ceramah, promosi di media cetak dan elektronik, *Facebook* dan lain-lain. Di antara program-program promosi yang spesifik adalah seperti di bawah:

- (i) Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan. Majlis ini dianjurkan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada syarikat dan individu yang cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada setiap tahun. Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Anugerah Pengilangan Industri Besar, Industri Kecil dan Sederhana, Pembinaan, Perhutanan, Pembinaan, Hotel dan Restoran, Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain;
- (ii) Minggu Keselamatan dan Kesihatan peringkat nasional. Sambutan ini adalah satu usaha kerajaan untuk menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada majikan dan pekerja dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka; dan

(iii) Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia. Sambutan ini juga telah disambut bagi memperingati mangsa kemalangan industri dan penyakit pekerjaan oleh Kesatuan-Kesatuan Sekerja di seluruh dunia sebagai sokongan dalam mementingkan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerja.

(iv) Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 (OSHMP 2020)

OSHMP 2020 dirangka bagi menyusun strategi dan program untuk melonjakkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) negara ke tahap yang cemerlang setanding dengan negara maju dalam jangka masa lima tahun akan datang. Ini adalah sejajar dengan Wawasan 2020 Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menerusi peningkatan dalam pelbagai aspek termasuk sosio-ekonomi, kualiti hidup dan kemakmuran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

SOALAN : 91

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah semua keluarga mangsa MH17 dan MH370 telah diberi pampasan. Sila senaraikan selama tiga setengah tahun ini, berapa banyak yang telah dikompensasi dan berapa banyak yang belum dibayar. Sila senaraikan mereka mengikut negara asal.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua 298 keluarga mangsa MH17 dan 239 keluarga mangsa MH370 telah diberi pampasan.

Bagi tragedi MH17, daripada 298 jumlah keluarga mangsa, sebanyak 262 telah menerima pampasan penuh manakala bakinya sebanyak 36 hanya menerima sebahagian dari jumlah pampasan penuh dan masih dalam proses rundingan bagi memuktamadkan jumlah pampasan akhir.

Bagi tragedi MH370 pula, daripada 239 jumlah keluarga mangsa, sebanyak 129 telah menerima pampasan penuh manakala bakinya sebanyak 110 hanya menerima sebahagian dari jumlah pampasan penuh dan masih dalam proses rundingan bagi memuktamadkan jumlah pampasan akhir.

Senarai keluarga mangsa yang telah menerima pampasan tersebut di atas mengikut negara asal mereka adalah seperti berikut:

248

a) MH17

Bil.	Kewarganegaraan	Jumlah Penumpang	Bilangan Keluarga Yang Menerima Pampasan Penuh	Bilangan Keluarga Yang Menerima Sebahagian Pampasan Penuh dan Dalam Proses Rundingan
1.	Belanda	193	188	5
2.	Malaysia			
	Penumpang	28	24	4
	Krew	15	8	7
3.	Australia	27	9	18
4.	Indonesia	12	12	-
5.	United Kingdom	10	10	-
6.	Belgium	4	4	-
7.	Jerman	4	2	2
8.	Filipina	3	3	-
9.	Kanada	1	1	-
10.	New Zealand	1	1	-
	Jumlah	298	262	36

b) MH370

Bil.	Kewarganegaraan	Jumlah Penumpang	Bilangan Keluarga Yang Menerima Pampasan Penuh	Bilangan Keluarga Yang Menerima Sebahagian Pampasan Penuh dan Dalam Proses Rundingan
1.	China	153	64	89
2.	Malaysia			
	Penumpang	38	32	6
	Krew	12	12	-
3.	Indonesia	7	7	-
4.	Australia	6	6	-
5.	India	5	-	5
6.	Perancis	4	-	4
7.	Amerika Syarikat	3	-	3
8.	Kanada	2	2	-
9.	Iran	2	2	-
10.	New Zealand	2	1	1
11.	Ukraine	2	2	-
12.	United Kingdom	1	1	-
13.	Rusia	1	-	1
14.	Taiwan	1	-	1
	Jumlah	239	129	110

Untuk makluman tambahan Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan penuh yang telah dibayar kepada waris-waris penumpang MH17 dan MH370 adalah dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dengan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang. Setiap jumlah tuntutan waris penumpang MH17 dan MH370 adalah berbeza di antara satu dengan yang lain kerana ianya berdasarkan kepada pembuktian kerugian bagi setiap individu (penumpang). Jumlahnya tidak dapat didedahkan dan hanya diketahui oleh pihak-pihak yang terlibat sahaja.

SOALAN NO: 92

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU]
RUJUKAN : BL3 [PR-1361-T02246]
SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah bajet yang diperuntukkan dan jumlah yang dibelanjakan untuk perkhidmatan keselamatan di semua PPR di kawasan Parlimen Batu. Sila senaraikan mengikut PPR dan perbelanjaannya untuk lima tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, bagi perbelanjaan perkhidmatan keselamatan untuk 10 Projek Perumahan Rakyat(PPR)/Perumahan Awam (PA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk kawasan Parlimen Batu pada tahun 2013 hingga 2016 adalah berjumlah RM523 ribu setahun. 10 kawasan perumahan tersebut adalah seperti berikut :

- a. PPR Pekan Batu
- b. PA Seri Perak
- c. PA Seri Kelantan
- d. PPR Batu Muda
- e. PPR Intan Baiduri
- f. PPR Beringin
- g. PPR Taman Wahyu
- h. PA Seri Terengganu
- i. PA Seri Negeri Sembilan
- j. PA Seri Pangkor

Walau bagaimanapun, pada tahun 2017, perbelanjaan ini telah meningkat kepada RM583 ribu kerana terdapat tambahan 1 bangunan iaitu Pusat Komuniti PPR Beringin yang disediakan perkhidmatan keselamatan. Bajet yang diperuntukkan bagi perkhidmatan keselamatan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM628 ribu.